



SIARAN MEDIA

MAFI SIAPSIAGA HADAPI ANCAMAN BIOSEKURITI MAKANAN NEGARA

SEREMBAN, 13 September 2022 – Kerajaan akan terus mempertingkatkan kawalan dan penguatkuasaan di sempadan khususnya di pintu masuk negara bagi memastikan keselamatan biosekuriti makanan, kawalan penyakit dan risiko kemasukan perosak berbahaya dapat dibendung serta dikawal.

Dalam satu majlis yang dirasmikan oleh YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, Menteri Pertanian dan Industri Makanan, beliau mengingatkan kesiapsiagaan negara dalam menghadapi ancaman biosekuriti perlu dipertingkatkan dengan memastikan pemantapan regulasi pengimportan tumbuhan dan produk tumbuhan dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan perosak dan penyakit yang boleh mengancam industri tanaman tidak memasuki negara dan seterusnya memberi kesan kepada sektor agromakanan negara.

“MAFI melalui Jabatan Pertanian Malaysia yang juga sebagai sebahagian daripada Organisasi Perlindungan Tumbuhan Kebangsaan (*National Plant Protection Organization, NPPO*), sentiasa berusaha untuk memastikan usaha pelaksanaan biosekuriti tanaman dan tumbuhan sentiasa menjadi keutamaan dalam memacu usaha ke arah pertanian yang lebih mampan,” kata beliau.

Jawatankuasa Sekuriti Makanan Negara secara dasar telah bersetuju dengan pewujudan Pusat Sehenti Kuarantin Negara (*One Stop Quarantine Centre - OSQC*) di pintu masuk utama pengimportan dan pengeksporan hasil pertanian dan agromakanan negara bagi terus memperkukuhkan kawalan biosekuriti.

OSQC yang dalam peringkat perbincangan dan penelitian lanjut ini akan menyediakan satu fasiliti bersepadu yang akan menyediakan semua perkhidmatan berkaitan kuarantin dan keselamatan agromakanan seperti pemeriksaan, rawatan kuarantin, pengujian, penyelidikan, pemantauan dan pelupusan ke atas komoditi pertanian dan produk agromakanan.

Bertemakan “Pemeriksaan Biosekuriti Tumbuhan Menjamin Sekuriti Makanan Negara”, Simposium Biosekuriti Tumbuhan 2022 yang memasuki Siri ke-4 ini akan berlangsung selama 2 hari, bermula 13 sehingga 14 September 2022.

Simposium anjuran Jabatan Pertanian Malaysia ini merupakan platform utama bagi meningkatkan kesedaran berkaitan kepentingan biosekuriti tumbuhan kepada kumpulan sasar seperti Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), institusi penyelidikan, pengeksporan, pengimport, *forwarding*

agent, persatuan-persatuan yang berkaitan dengan pengeksportan dan pengimportan hasil pertanian.

Menurut Ketua Pengarahnya, YBhg. Dato' Zahimi bin Hassan, simposium ini diharap dapat menjadi medan pertemuan bagi pencambahan ilmu serta perkongsian pengalaman berkaitan pengurusan biosekuriti tumbuhan di antara Jabatan Pertanian, institusi penyelidikan dan pemain industri.

Simposium Biosekuriti Tumbuhan 2022 yang dilaksanakan secara hibrid dengan kehadiran peserta seramai 500 orang berharap dapat menyalurkan maklumat teknikal kepada golongan sasaran agar mampu memacu halatuju sektor agromakanan menjadi lebih dinamik di masa hadapan dan menjamin kehidupan sejagat.

Dalam majlis yang sama, Jabatan Pertanian Malaysia turut melancarkan Buku Garis Panduan Pengimportan Mikroorganisma & Bahan Organik dan Buku Garis Panduan Permohonan Pengimportan Tumbuhan, Produk Tumbuhan & Artikel Berkawal.

Turut hadir dalam majlis perasmian adalah YBrs. Puan Nor Sam binti Alwi, Timbalan Ketua Pengarah Pertanian, barisan kanan pengurusan MAFI serta Jabatan Pertanian Malaysia, barisan panelis jemputan dan wakil-wakil pemain industri.

###

**Disediakan oleh;
Jabatan Pertanian Malaysia
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)**